KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **19 MAC 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: SELASA
TARIKH: 19/3/2024
M/SURAT: 7

Sidang Dewan Rakyat

# Mekanisme subsidi bersasar masih dalam pertimbangan

## Pelaksanaan berperingkat pastikan tidak berlaku kejutan terhadap ekonomi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mekanisme pelaksanaan pemberian subsidi bersasar masih dalam pertimbangan kerajaan dan dijangka tidak meningkatkan kos terhadap industri sedia ada.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, menegaskan kerajaan akan menitikberatkan aspek pelaksanaan dan komunikasi berkesan kepada pihak industri dalam memastikan tidak berlaku kejutan terhadap ekonomi.

Katanya, pelaksanaan pemberian subsidi bersasar akan dibuat secara berperingkat, tertakluk ketersediaan berasaskan model bersesuaian dan kebolehlaksanaan serta mengekalkan fokus kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas.

Seperti diumum dalam Belanjawan 2024, beliau berkata, kerajaan akan menumpukan penyasaran subsidi diesel terlebih dahulu melalui kaedah dan mekanisme diumumkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Sara Hidup (KPDN) pada 6 Mac lalu.

"Perluasan pemberian di bawah Sistem Kawalan Subsidi Diesel 2.0 (SKDS 2.0) kepada sembilan jenis kenderaan barangan dibuka untuk permohonan bermula 7 Mac lalu dan dijangka memanfaatkan lebih 260,000 kenderaan.

"Sejak 8 Mac sehingga 16 Mac lalu, lebih 5,800 syarikat dengan lebih 34,400 bilangan kenderaan mendaftar dalam SKDS 2.0," katanya menjawab soalan Vivian Wong Shir Yee (PH-Sandakan) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau meminta semua pemilik kenderaan yang layak berdaftar di bawah SKDS 2.0 untuk terus menikmati subsidi pada masa hadapan.

### Subsidi diesel RM14.3 bilion

Hui Ying berkata, jumlah perbelanjaan subsidi diesel tahun lalu mencecah RM14.3 bilion, yang mana jumlah penggunaan meningkat kepada 10.8 bilion liter setahun berbanding 6.1 bilion liter pada 2019 pada tahun sebelum pandemik COVID-19.

"Peningkatan jumlah penggunaan sebanyak 70 peratus ini dilihat tidak selari dengan pertambahan bilangan kenderaan diesel yang hanya mencatat peningkatan kurang tiga peratus.

> Kerajaan akan menitikberatkan aspek pelaksanaan dan komunikasi berkesan kepada pihak industri dalam memastikan tidak berlaku kejutan terhadap ekonomi



*Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan*

"Ini mengukuhkan dakwaan ketirisan subsidi diesel adalah sangat besar," katanya.

Ketika ini, katanya, semua kenderaan diesel dalam kategori pengangkutan awam di bawah SKDS sedia ada termasuk van atau bas sekolah sudah menikmati harga diesel bersubsidi pada kadar RM1.88 seliter, manakala golongan nelayan menerima subsidi diesel pada harga RM1.65 seliter.

"Kedua-dua kategori ini kekal menikmati harga diesel dan tidak terbabit dalam Program Pemberian Subsidi Diesel secara bersasar," katanya.

BH BeritaHarian

HARI: SELASA

TARIKH: 19/3/2024

M/SURAT: 4

# Sektor pertanian bakal lumpuh dalam tiga tahun

Dari Muka 1

"Ada pengusaha terpaksa melupakan sepenuhnya kebun yang diusahakan bertahun-tahun berikutan tidak lagi mampu bertahan dan terpaksa menukar profesion termasuk sebagai pemandu lori, selain menjual tanah mereka untuk pulang ke kampung halaman.

"Pelbagai isu, terutama perbekalan sayur-sayuran yang kini dikuasai pendatang asing, menyebabkan 40 peratus pengusaha kebun sayuran negara dijangka gulung tikar.

"Ditambah isu kekurangan tenaga buruh kritikal dan kos operasi kebun semakin meningkat berikutan peningkatan harga baja dan racun yang bakal menyebabkan hari semakin terhimpit sehingga ramai pengusaha tidak mampu lagi bertahan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga menerima aduan daripada ahli berhubung sayur ditanam dan dibekalkan pendatang asing semakin mendominasi pasaran termasuk peruncitan, apabila kantin kilang yang selama ini menjadi antara pelanggan terbesar mereka turut beralih mendapatkan sayuran dengan pendatang asing atas alasan harga lebih murah.

Katanya, jika tiada sebarang polisi mengawal perkara ini serta campur tangan kerajaan, pihaknya menjangkakan sektor pertanian sayuran diusahakan rakyat tempatan akan lumpuh dan dipastikan sepenuhnya oleh pendatang asing kurang tiga tahun lagi.

Semalam, *BH* dalam laporan muka depan melaporkan kebun sayur diusahakan pendatang asing yang didakwa semakin meluas, sama dengan penguasaan golongan itu dalam rantaian perbekalan hasil tani keseluruhan, dikhuatiri membentuk kartel sayur di Malaysia.

Andai saiz kebun haram makin bertambah, sekuriti dan keterjaminan makanan negara boleh terancam berikutan kebergantungan sangat tinggi kepada pengusaha dan tenaga kerja asing dalam rantaian daripada peringkat kebun, logistik, pengedaran hingga pasar borong.

Pensyarah Kanan Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Shazwan Mokhtar, dilaporkan berkata, kelompangan undang-undang sedia ada sebenarnya membuka ruang kepada isu itu.

Kelmarin, *BH* melaporkan warga Bangladesh, Indonesia dan Rohingya menguasai industri sayur di negara ini dengan membuka anggaran 1,000 hektar kebun sayur haram di serata Semenanjung.

Kegiatan itu paling banyak dikesan di Selangor, Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Pahang, terutama Cameron Highlands dengan anggaran keseluruhan kebun haram di setiap negeri antara 30 hingga 100 hektar.

Mengulas lanjut, Kwee berkata, pelbagai isu terutama rantaian perbekalan sayur-sayuran yang dikuasai pendatang asing merencatkan pertumbuhan sektor pertanian sayuran negara yang sejak tiga tahun lalu, berjaya menarik pengusaha kebun generasi muda tempatan.

Katanya, ketika wabak COVID-19 menular dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan, bekalan sayuran negara terjejas dengan signifikan sehingga harganya melambung tinggi di pasaran.

"Senario itu menyebabkan generasi muda yang diberhentikan kerja berikutan operasi syarikat dikecilkan ketika COVID-19, mula menjadi pekebun dan mengusahakan tanah mereka sehingga akhirnya bekalan sayuran negara dapat ditingkatkan, sekali gus menurunkan harga.

"Namun dengan pelbagai isu, terutama pendatang asing yang menguasai rantaian perbekalan sayuran negara dan mengawal harga pasaran, generasi muda yang jadi pekebun antara paling teruk terjejas apatah lagi kos operasi yang terus meningkat.

"Ini senario yang sangat menyedihkan kerana jika tiada pelapis pengusaha kebun generasi muda tempatan, maka industri sayuran negara hampir pasti akan lumpuh dan dimonopoli pendatang asing selain syarikat besar yang mampu menyerap kos," katanya.

Utusan Malaysia

HARI: SELASA
TARIKH: 19/3/2024
M/SURAT: 12

# Taktik jadikan rumah kampung transit barangan seludup terbongkar

Oleh YATIMIN ABDULLAH
yatimin.abdullah@mediamulia.com.my

**PASIR MAS:** Taktik menjadikan sebuah rumah di Kampung Jenerih Tujuh di sini sebagai pusat transit barangan seludup terbongkar apabila diserbu pihak berkuasa awal semalam.

Serbuan pukul 4.30 petang oleh anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan membawa kepada rampasan barangan kawalan iaitu minyak masak peket serta gula.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, hasil pemeriksaan yang dilakukan di lokasi membawa kepada penemuan 2,990 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi yang telah disembunyikan di pekarangan rumah berkenaan.

Menurutnya, pada masa sama KPDN yang melakukan serbuan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor turut menemui 480 kg gula pasir.

"Kesemua barang kawalan itu ditemukan di pekarangan garaj kenderaan terbuka yang ditutupi dengan plastik hitam.

"Pemeriksaan ke atas sebuah kereta jenis Proton Saga Aeroback turut membawa kepada penemuan minyak masak peket bersubsidi," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Azman memberitahu, berpandukan kepada maklumat risikan rumah tersebut dijadikan transit simpanan sementara barang kawalan sebelum seludup ke negara jiran menggunakan pangkalan haram yang terdapat di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand.

Katanya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



SEBAHAGIAN minyak masak bersubsidi dirampas KPDN Kelantan dan PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor selepas menyerbu sebuah rumah di Kg. Jenerih Tujuh, Pasir Mas, semalam. - IHSAN KPDN KELANTAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 19/3/2023
M/SURAT: 7

Kejatuhan nilai ringgit peluang mereka beli dalam kuantiti banyak buat stok

# Barangan subsidi Malaysia 'talian hayat' penduduk Thai

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
NARATHIWAT, THAILAND

Barangan subsidi Malaysia seperti minyak masak peket, tepung gandum dan petrol menjadi 'talian hayat' kepada penduduk di selatan Thailand dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Mana tidaknya, barangan yang diseludup menerusi pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok itu dijual pada harga murah sekali gus memberikan kelegaan kepada golongan kurang berkemampuan.

Seorang penduduk Narathiwat yang mahu dikenali sebagai Mail, 30, mengakui hampir 80 peratus rakyat di kawasan ini bergantung sepenuhnya kepada barangan subsidi Malaysia.

"Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia ketika ini memberi 'bonus' kepada kami apabila dapat membeli barangan tersebut dalam kuantiti yang banyak sekali gus dapat menjadikan ia sebagai stok.

"Sebagai contoh minyak masak peket Malaysia berharga sekitar 40 baht (RM5.24) sahaja berbanding keluaran tempatan (Thailand) 50 baht.

"Tepung gandum Malaysia pula hanya bernilai 26 baht (RM3.41) sekilogram. Di sini kami sukar untuk mendapatkan tepung gandum keluaran tempatan.

"Boleh dikatakan 100 peratus penduduk di sini menggunakan tepung gandum dari Malaysia kerana ia mudah diperoleh. Kebanyakan barangan subsidi Malaysia sudah terjamin dari sudut halal, jadi kami tidak perlu khuatir," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, selain makanan, bahan api terutama petrol dari Malaysia turut menjadi buruan penduduk di selatan Thailand.

Katanya, minyak petrol yang diseludup dari Malaysia dijual pada harga 25 hingga 27 baht (RM3.38-RM3.54) seliter berbanding Thailand 38 baht.

Ujarnya, ia juga mudah diperoleh apabila terdapat banyak gerai jualan minyak petrol yang dibuka di tepi jalan utama serta kawasan kampung di sini.

Mail berkata, selain faktor harga, mereka di selatan Thailand ramai yang beragama Islam dan barangan dari Malaysia semuanya mempunyai tanda halal dan tidak waswas digunakan.

Bagi peniaga kedai makan, Kalthsom, 40-an, pula memberitahu, barangan bersubsidi dari Malaysia iaitu minyak masak peket, gandum serta barangan lain seperti gula, telur, banyak membantu dia berjimat dalam perniagaannya.

"Sudah lebih 10 tahun saya berniaga dan tidak pernah mempunyai masalah untuk mendapatkan bahan mentah ini, ia mudah diperoleh.

"Kebanyakan kedai di sini serta pasar menjualnya," katanya.

Sementara itu, Ramly, 20-an berkata, sejak kecil lagi keluarganya menggunakan barangan bersubsidi dari Malaysia.

Ujarnya, kebanyakan ahli keluarga mempunyai hubungan kekeluargaan dengan rakyat Malaysia.

Katanya, ia memudahkan lagi untuk mereka mendapatkan bekalan bagi kegunaan harian.




Perbezaan harga minyak masak peket Malaysia (kiri) dan Thailand yang dijual.

**BARANGAN**

Minyak masak peket Malaysia
40 baht (RM5.24)

Minyak masak peket Thailand
50 baht

Tepung gandum Malaysia
26 baht (RM3.41)

Minyak petrol Malaysia
25 hingga 27 baht (RM3.38-RM3.54)

Minyak petrol Thailand
38 baht



Hampir 80 peratus rakyat di selatan Thailand bergantung sepenuhnya kepada barangan subsidi Malaysia.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: SELASA
TARIKH: 19/3/2023
M/SURAT: 7

# KPDN Kelantan rampas minyak masak dan gula, sita 150 liter diesel

PASIR MAS - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menyerbu sebuah rumah di Kampung Jeneris Tujuh di sini dan merampas minyak masak peket serta gula yang cuba diseludup ke negara jiran pada Ahad.

Serbuan jam 4.30 petang turut disertai Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga Pengkalan Kubor dan hasil maklumat risikan mendapati rumah berkenaan dijadikan sebagai transit untuk tujuan penyeludupan.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, sebanyak 2,982 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi telah ditemukan oleh anggota bertugas selepas membuat pemeriksaan di pekarangan rumah berkenaan.

"Kesemua barang kawalan itu dijumpai di pekarangan garaj kenderaan terbuka yang ditutupi dengan plastik hitam," katanya pada Isnin.

Menurut beliau, pihaknya turut menemui 480kg gula pasir di kawasan rumah berkenaan.

Ujarnya, pada masa sama sebuah kereta jenis Proton Saga Aeroback yang sarat dengan muatan minyak masak peket turut ditemukan.

Azman memberitahu, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Mengikut maklumat risikan rumah tersebut dijadikan transit simpanan sementara barang kawalan sebelum seludup ke negara jiran menggunakan pangkalan haram," katanya.

Sementara itu dalam kes berasingan, pihaknya turut menyerbu menyerbu sebuah rumah di Kampung Koti Pengkalan Kubor di sini pada Ahad selepas dipercayai menjadi transit simpanan minyak diesel sebelum diseludup ke negara jiran.

Azman berkata, dalam serbuan jam 5.30 petang itu, pihaknya menyita anggaran 150 liter minyak diesel.

"Terdahulu hasil maklumat pasukan risikan menyatakan rumah tersebut dijadikan transit simpanan sementara barang kawalan, disyaki akan dibawa ke pangkalan haram untuk diselewengkan.

"Kesemua barang kawalan diisi dalam tong-tong jerikin dijumpai bersama sebuah lori jenis Mitsubishi Canter berhampiran rumah berkenaan dan disita pasukan operasi," katanya kepada pemberita pada Isnin.

Menurut beliau, walau bagaimanapun tiada suspek di kesan di lokasi kejadian tersebut.

Ujarnya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Azman memberitahu, kejayaan ini hasil Ops Bersepadu Pencegahan Ketirisan Barang Kawalan bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Pangkalan Kubor di sempadan negara.



KPDN Kelantan menyerbu sebuah rumah di Kampung Jenerih Tujuh di Pasir Mas dan merampas minyak masak peket serta gula yang cuba diseludup ke negara jiran pada Ahad.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: SELASA
TARIKH: 19/3/2024
M/SURAT: 5

KK MART'S SOCKS ISSUE

# Police open 2 investigation papers

**KUALA LUMPUR:** Police have opened two investigation papers on the sale of socks with the word "Allah" printed on them at a KK Super Mart store in Bandar Sunway.

Federal police Criminal Investigation Department director Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain said 42 reports had been lodged on the incident.

He said the case was being investigated by the Classified Crime Investigation Unit (D5) under Section 298A of the Penal Code.

"This pertains to issues related to religion, causing disharmony, disunity, or hatred, malicious intent, or detrimental to unity.

"(It is also being investigated under) Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998, which involves the misuse of network facilities or services. The case is still under investigation," he said.

Shuhaily advised the public not to speculate as this could disrupt the investigation process.

"The police would also like to remind the public to be vigilant and concerned about sensitive issues on social media, especially those involving public fear and national security."

Previously, photos of the socks being sold at a KK Super Mart convenience store in Bandar Sunway went viral, drawing criticism from social media users.

KK Mart Group issued a public apology to Muslims in the country, but were still hit with boycott calls, with some even calling for the chain to be boycotted.

Pas consumer affairs committee chairman Khairil Nizam Khirudin said the government must take stricter action against anyone insulting Islam.

He said such insults provoked anger among Malaysian Muslims, particularly during Ramadan, as the word "Allah" held the utmost significance for them.

Khairil stressed the need for both KK Mart Group and manufacturer Xin Jian Chang to face stronger consequences, regardless of their public apologies, to emphasise the importance of respecting Muslims' sensitivities.

"We don't want a recurring trend in this country, where the sanctity of Islam is mocked and followed by apologies, but similar incidents reoccur as if no firm action can be taken against those involved," he said.

Khairil said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and the Islamic Development Malaysia Department must work together to tighten provisions in the Trade Descriptions Act 2011 related to the sale of goods involving the sensitivity of Islam in Malaysia.

In Parliament, Deputy Home Minister Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah said the ministry would continue its probe into the sale of the socks.

This, he said, was despite the clarification and apology issued by KK Mart Group.

Soh Chin Huat, the owner of supplier Xin Jian Chang Bhd, said his company had brought in the socks from China in a bundle.

He said as soon as his company was informed by KK Mart, he contacted the producer of the socks, who said it was a mistake by their workers. He also apologised for the mistake.

In **Kuantan**, MCA vice-president Datuk Tan Teik Cheng hit out at Umno Youth for lodging a police report against KK Mart Group and urging people to do the same.

He said the company's swift public apology to the Muslim community in the country was the appropriate approach in resolving the sensitive issue.

"KK Mart did not make excuses, but acknowledged its mistake, apologised, and immediately resolved to bring a closure to the matter," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun

TELLING IT AS IT IS

HARI: SELASA

TARIKH: 19/3/2024

M/SURAT: 1

# Tabs on price tag compliance

**Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry steps up enforcement measures at Ramadan bazaars, retail outlets and wet markets to ensure product prices are displayed and only approved weights and measures used.**

Report on > page 5

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun

HARI: SELASA
TARIKH: 19/3/2024
M/SURAT: 5

# Crackdown on traders not displaying price tags

## Ministry enforcement teams check 4,800 locations nationwide under *Ops Pantau*

BY **QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI**
*newsdesk@thesundaily.com*

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has stepped up enforcement measures at Ramadan bazaars, in light of some traders not displaying the prices of food items on sale.

Its enforcement division director-general Datuk Azman Adam warned traders to ensure product prices are displayed and only approved weights and measures are used.

"We launched *Ops Pantau* as a comprehensive monitoring operation to ensure traders follow the law. It is not confined to just *Ramadan* bazaars but encompasses all retail premises, including supermarkets and wet markets."

Azman said monitoring is done under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, Weights and Measures Act 1972 and the Trade Descriptions Act 2011.

He said a total of 4,883 premises were inspected during a recent three-day operation from March 12 to 14, adding that the ministry received 181 complaints regarding price tags at *Ramadan* bazaars since the commencement of *Ops Pantau*.

Azman said the ministry mobilised 2,200 enforcement officers nationwide to inspect businesses in the city and rural areas to ensure traders display price tags on goods for sale.

He said they focused on *Ramadan* bazaars as well to ensure traders do not charge unreasonably high prices.

"Traders who fail to display price tags are subjected to investigation under the Price Marking for Goods and Charges for Service Order 2020.

"Anyone who fails to comply with any provision of the Order commits an offence and shall be liable to a fine not exceeding RM50,000 if the person is not a body corporate, or a fine not exceeding RM100,000 if the person is a body corporate."

Azman urged *Ramadan* bazaar traders to adopt reasonable prices and said while they have to turn a profit, ensuring food quality and maintaining hygiene standards remain paramount.

During a recent check by *theSun* at Bazar Ramadan Kampung Baru, several traders were found not displaying prices.

Farah Iryanti Mohd Riduan, 25, said the situation has made it difficult for buyers as traders should display prices.

"When I visit the *Ramadan* bazaar to purchase food or drinks, I frequently encounter traders who do not list the names of their items or display the prices.

"This is concerning given the current economic downturn. Those who are financially strained may be surprised to find that their purchases cost more than expected."

Another visitor who asked to be known only as Puteri Afrina, 25, said she was frustrated at having to ask the price of each food item being sold at bazaars.

"I typically set a budget for my purchases. So, if there are 10 stalls that I am keen on buying from, I have to ask each stall for the prices of every item they sell.

"I have questioned the traders and they gave excuses that they either forgot or did not have time to print the price tags. Some even said there were too many items to list, so it was a hassle for them."

Azman advised consumers who encounter such situations to report the matter through the ministry's official channels, on WhatsApp 019-848 8000/019-279 4317 or via e-Aduan KPDN and provide relevant information for action.



Azman said individuals found violating the law face a fine not exceeding RM50,000. – ADIB RAWI YAHYA/THESUN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: SELASA
TARIKH: 19/3/2024
M/SURAT: 10

# LEVEL PLAYING FIELD FOR SMES IN INTERNSHIP PROGRAMMES

By HO JIA WEN
jiawen.ho@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp) has launched a new grant where small and medium businesses (SMEs) can be reimbursed up to RM300 for each intern's monthly allowance.

The grant, coined as the Industrial Training Matching Grant Initiative for Small & Medium Enterprises (LIKES), has been allocated a total of RM30mil and will run till 2026.

Human Resources Minister Steven Sim said this is the first time the government has an internship matching grant for SMEs and startups.

"This will help level the playing field for SMEs who constitute 97% of total businesses in Malaysia.

"Now, more employers can take part in a collective nation-building effort to nurture our young talents," he said.

"Through this grant, high potential SMEs facing challenges of funding can carry out structured and well-paid internship programmes."

Sim noted that there is an uneven distribution of practical training opportunities throughout Malaysia.

"This grant can help further expand the internship programme throughout Malaysia so that there are more opportunities for the students," he said.

In addition, Sim announced enhancements to the Industrial Training Scheme (ITS) under Human Resource Development Corporation (HRD Corp).

Effective immediately, employers can utilise up to 30% of their levy balance as of January 2024 towards ITS for the year, he said.

TalentCorp group chief executive officer Thomas Mathew said the LIKES grant will enable young talents to enrich the SME sector.

"It supports SMEs financially to play a proactive role in developing local talent by assisting the transition from school to employment.

"LIKES also aims to alleviate the cost of living for industrial trainees while they undergo industrial training, especially for those in Klang Valley, Penang, and Johor Baru, where most industrial training placements are offered," he said.

The LIKES grant covers internship periods of up to six months, and is open for application by SMEs and start-ups registered with the Companies Commission of Malaysia (SSM).

Eligible applicants must offer internship placements lasting a minimum of 10 weeks, and provide a stipulated minimum internship allowance.

For interns pursuing Malaysian Skills Certificate level 1 to level 3, Diploma and Malaysian Skills Diploma, the minimum allowance required is RM500 a month, with TalentCorp reimbursing RM250 a month.

On the other hand, for interns pursuing the Malaysian Advanced Skills Diploma, a bachelor's degree, master's degree, or a professional certificate, the minimum allowance required is RM600 a month, and TalentCorp will reimburse RM300 a month.

The grant is now open for application.

SMEs association national president Datuk William Ng said that LIKES will equalise the playing field for SMEs who are fighting for the same talent pool with the larger companies.

"Hopefully, this grant will enable more SMEs to have a quality internship programme, especially those in non-urban states where there are lesser opportunities," he said.

Ng said that the challenges are not just funding for intern payment, but also the perceived lack of attractiveness of SMEs.

"Many students will choose a larger company when offered the same pay.

"However, SMEs are also attractive and good employers. With an SME, interns can have a wider exposure to the business as compared with a larger company where they are placed in one specialised unit," he said.

He added that currently SMEs are willing to offer competitive intern allowances between RM500 to RM1000.

"I personally do not know any that pay under RM500," he said.

Terengganu Human Resource Development Centre chief executive officer Aminudin Umar said that he hopes to bring the LIKES grant to SMEs in Terengganu.

"We used to only focus on permanent employment, but we realised that students need training in essential industry skills.

"I am hoping to arrange a meeting after Hari Raya between TalentCorp and the SME owners in Terengganu so that they can utilise the LIKES grant soon," he said.

He added that there are many East Coast graduates who hope to continue working in their hometown and more internship opportunities is essential for career growth.

"We are very excited to see how LIKES will be implemented in Terengganu," he said.




Sim said the Ministry will focus on creating a more structured approach to young talent training. With him were (from left) Talent Corporation Malaysia Berhad group chief strategy officer Nazrul Aziz, Mathew and Human Resources Ministry deputy secretary-general (Policy and International) Datuk Amran Ahmad. — MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

**For more information, visit www.talentcorp.com.my/likes**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: SELASA
TARIKH: 19/3/2024
M/SURAT: 12



WAN Faizatul Aniza Ismayatim (dua dari kiri) menunjukkan buah tembikai wangi yang diusahakan oleh petani di Kampung Banggol, Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/ ROSLIZA MOHAMED

# Kemarau: FAMA beri jaminan bekalan sayur tidak terjejas

**KOTA BHARU:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan mengesahkan pengeluaran sayur-sayuran di negeri ini tidak terjejas walaupun berdepan cuaca kemarau ketika ini.

Pengarahnya, Wan Faizatul Aniza Ismayatim berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang maklumat atau laporan serta isu berkait isu berkenaan.

"Kita (FAMA) tidak menerima apa-apa laporan berkaitan sama ada sayu tidak boleh dijual atau masalah pengeluaran berikutan cuaca panas," katanya kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani Perjanjian (MoU) Jual Beli Tembkai Wangi Peserta Ladang Kontrak Projek Kampung Banggol di sini semalam.

Mengulas lanjut, Wan Faizatul Aniza memberitahu, cukup atau tidak bekalan di pasaran bergantung kepada penawaran serta permintaan semasa bahan mentah itu.

Media sebelum ini melaporkan pengeluaran hasil sayuran negara dijangka terjejas sehingga 40 peratus mulai bulan depan menyebabkan harganya di pasaran melambung susulan pengusaha tanaman menghadapi krisis tenaga kerja.

Pengerusi Persekutuan Penanam Sayur Sayuran Malaysia, Lim Ser Kwee, berkata ia berikutan pengumuman kerajaan baru-baru ini untuk membatalkan kuota pekerja asing yang tidak digunakan sebelum 31 Mac ini.

Katanya, senario itu akan menyebabkan harga sayuran di pasaran meningkat mendadak apabila bekalan sayuran berkurangan dengan hasil sayuran tidak dapat dikeluarkan seperti biasa akibat kekurangan tenaga kerja.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 19 MAC 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 19-Mar | ‘Don’t be quick to viral complaints’: Armizan | https://www.dailyexpress.com.my/news/230802/don-t-be-quick-to-viral-complaints-armizan-/ | DAILY EXPRESS |
| 19-Mar | Harga barang tidak munasabah: Jangan tular dahulu, terus lapor KPDN | https://www.wilayahku.com.my/harga-barang-tidak-munasabah-jangan-tular- | WILAYAHKU |
| 19-Mar | Stoking kalimah Allah: 'Ini bukan membesar-besarkan isu. Ini soal agama' | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071221/stoking-kalimah-allah-ini-bukan-membesar-besarkan-isu-ini-soal- | HARIAN METRO |
| 19-Mar | Isu stokin kalimah Allah keruhkan perpaduan kaum | https://harakahdaily.net/index.php/2024/03/18/isu-stokin-kalimah-allah-keruhkan-perpaduan-kaum/ | HARAKAH DAILY |
| 19-Mar | Isu KK Mart: boikot boleh beri kesan besar pada produk, syarikat jadi sasaran - Penyelidik | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071267/isu-kk-mart-boikot-boleh-beri-kesan-besar-pada-produk-syarikat-jadi- | HARIAN METRO |
| 19-Mar | Stoking tertera kalimah ALLAH: Penguatkuasaan perlu dibuat lebih awal | https://www.sinarharian.com.my/article/655160/berita/nasional/stoking-tertera-kalimah-allah-penguatkuasaan-perlu-dibuat-lebih-awal#google_vignette | SINAR HARIAN |
| 19-Mar | Isu stoking kalimah Allah: KPDN, JAKIM perlu lebih tegas | https://harakahdaily.net/index.php/2024/03/18/isu-stoking-kalimah-allah-kpdn-jakim-perlu-lebih-tegas/ | HARAKAH DAILY |
| 19-Mar | Isu stoking kalimah Allah: KPDN, JAKIM perlu lebih tegas | https://themalaytribune.com/isu-stoking-kalimah-allah-kpdn-jakim-perlu-lebih-tegas/ | THE MALAY TRIBUNE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19-Mar | Isu stoking kalimah Allah :Beri ruang kepada kerajaaan untuk siasat- Na'im | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/isu-stoking-kalimah-allah-beri-ruang-kepada-kerajaaan-untuk-siasat-naim | BERITA RTM |
| 19-Mar | Isu stoking kalimah Allah: Beri kepercayaan pihak berkuasa jalankan siasatan — Mohd Na'im | https://suarasarawak.my/isu-stoking-kalimah-allah-beri-kepercayaan-pihak-berkuasa-jalankan-siasatan-mohd-naim/ | SUARA SARAWAK |
| 19-Mar | Senior citizen caught in petrol, diesel smuggling attempt | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/03/1027100/senior-citizen-caught-petrol-diesel-smuggling-attempt | NEW STRAITS TIMES |
| 19-Mar | Fuziah sahkan wajib papar nombor pendaftaran SSM bagi jualan atas talian | https://www.malaysiakini.com/news/699819 | MALAYSIA KINI |
| 19-Mar | Tiada harga siling sayuran - Fuziah | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225134/tiada-harga-siling-sayuran-fuziah | BERITA HARIAN |
| 19-Mar | Tiada harga siling bagi sayuran – Fuziah | https://www.buletintv3.my/nasional/tiada-harga-siling-bagi-sayuran-fuziah/ | BULETIN TV3 |
| 19-Mar | KPDN tidak bercadang kenakan harga siling sayur - Fuziah | https://www.malaysiakini.com/news/699842 | MALAYSIA KINI |
| 19-Mar | Kerajaan tidak cadang tetapkan harga siling sayur | https://themalaytribune.com/kerajaan-tidak-cadang-tetapkan-harga-siling-sayur/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 19-Mar | Kerajaan tidak cadang tetapkan harga siling sayur | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/03/1071451/kerajaan-tidak-cadang-tetapkan-harga-siling-sayur | HARIAN METRO |
| 19-Mar | KPDN tidak bercadang untuk meletakkan harga siling sayur | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-tidak-bercadang-untuk-meletakkan-harga-siling-sayur | BERITA RTM |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19-Mar | KPDN tidak bercadang kenakan harga siling terhadap sayur - Fuziah | https://www.sinarharian.com.my/article/655277/berita/nasional/kpdn-tidak-bercadang-kenakan-harga-siling-terhadap-sayur---fuziah | SINAR HARIAN |
| 19-Mar | No plans to impose ceiling prices on vegetables, says Fuziah | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/18/no-plans-to-impose-ceiling-prices-on-vegetables-says-fuziah/124179 | MALAY MAIL |
| 19-Mar | KPDN tidak bercadang kenakan harga siling terhadap sayur - Fuziah | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-tidak-bercadang-kenakan-harga-siling-terhadap-sayur-fuziah-462905 | ASTRO AWANI |
| 19-Mar | KPDN TIDAK BERCADANG KENAKAN HARGA SILING TERHADAP SAYUR - FUZIAH | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2280398 | BERNAMA |
| 19-Mar | Kerajaan tidak cadang tetapkan harga siling sayur | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071451/kerajaan-tidak-cadang-tetapkan-harga-siling-sayur | HARIAN METRO |
| 19-Mar | KPDN tidak tetapkan harga siling sayuran | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/kpdn-tidak-tetapkan-harga-siling-sayuran/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 19-Mar | Harga barang tidak munasabah: Jangan tular dahulu, terus lapor KPDN | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-barang-tidak-munasabah-jangan-tular-dahulu-terus-lapor-kpdn-462837 | ASTRO AWANI |
| 19-Mar | Harga barang tidak munasabah: Jangan tular dahulu, terus lapor KPDN | https://thesun.my/cerita/harga-barang-tidak-munasabah-jangan-tular-dahulu-terus-lapor-kpdn-CD12229038 | THE SUN |
| 19-Mar | Harga barang tak munasabah: Jangan tular dahulu, terus lapor KPDN | https://www.sinarharian.com.my/article/655184/berita/nasional/harga-barang-tak-munasabah-jangan-tular-dahulu-terus-lapor-kpdn | SINAR HARIAN |
| 19-Mar | Consumer Affairs Ministry: Report unreasonable prices directly to authorities, not on social media | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/18/consumer-affairs-ministry-report-unreasonable-prices-directly-to-authorities-not-on-social-media/124154 | MALAY MAIL |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19-Mar | Subsidi bersasar dijangka tak tingkatkan kos industri sedia – Hui Ying | https://malaysiagazette.com/2024/03/18/subsidi-bersasar-dijangka-tak-tingkatkan-kos-industri-sedia-hui-ying/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 19-Mar | Mekanisme subsidi bersasar tidak beban industri sedia ada | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1224974/mekanisme-subsidi-bersasar-tidak-beban-industri-sedia-ada | BERITA HARIAN |
| 19-Mar | Mekanisme pelaksanaan subsidi bersasar masih dipertimbang | https://www.sinarharian.com.my/article/655172/berita/nasional/mekanisme-pelaksanaan-subsidi-bersasar-masih-dipertimbang | SINAR HARIAN |
| 19-Mar | Targeted subsidy implementation mechanisms still under study, Parliament told | https://www.theedgemalaysia.com/node/704977 | THE EDGE MALAYSIA |
| 19-Mar | KPDN warns Ramadan bazaar owners to display price tags | https://thesun.my/local_news/kpdn-warns-ramadan-bazaar-owners-to-display-price-tags-PD12229017 | THE SUN |
| 19-Mar | Ops Pantau 2024, fokuskan aspek kebersihan dan pelabelan - KPDN | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ops-pantau-2024-fokuskan-aspek-kebersihan-dan-pelabelan-kpdn | BERITA RTM |
| 19-Mar | Pematuhan piawaian tinggi, tahap kebersihan bazar Ramadan Sarikei memuaskan | https://suarasarawak.my/pematuhan-piawaian-tinggi-tahap-kebersihan-bazar-ramadan-sarikei-memuaskan/ | SUARA SARAWAK |
| 19-Mar | 18 aduan harga barang tinggi sepanjang Ramadan | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/18-aduan-harga-barang-tinggi-sepanjang-ramadan/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 19-Mar | 426.4 kg makanan bazar Ramadan Kampong Bharu diselamatkan | https://www.kosmo.com.my/2024/03/18/426-4-kg-makanan-bazar-ramadan-kampong-bharu-diselamatkan/ | KOSMO |
| 19-Mar | Permohonan maaf diterima, tapi siasatan perlu diteruskan - Ulama UMNO | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1225030/permohonan-maaf-diterima-tapi-siasatan-perlu-diteruskan-ulama-umno | BERITA HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19-Mar | Permohonan maaf diterima, tapi siasatan perlu diterus-kan - Ulama UMNO | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071403/permohonan-maaf-diterima-tapi-siasatan-perlu-diteruskan-ulama-umno | HARIAN METRO |
| 19-Mar | Gubal akta berkait jualan barangan sentuh sensitiviti agama | https://www.sinarharian.com.my/article/655233/berita/semasa/gubal-akta-berkait-jualan-barangan-sentuh-sensitiviti-agama | SINAR HARIAN |
| 19-Mar | RM30 juta diperuntuk bagi pelaksanaan LiKES | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rm30-juta-diperuntuk-bagi-pelaksanaan-likes | BERITA RTM |
| 19-Mar | RM30 juta bagi dorong PKS, syarikat pemula ambil pelatih industri | https://www.buletintv3.my/detik-niaga/rm30-juta-bagi-dorong-pks-syarikat-pemula-ambil-pelatih-industri/ | BULETIN TV3 |
| 19-Mar | TalentCorp lancar LiKES sokong penempatan latihan industri | https://malaysia-tribune.news/2024/03/18/talentcorp-lancar-likes-sokong-penempatan-latihan-industri/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 19-Mar | KPDN sita 268 unit topi keledar berjenama tiruan | https://www.tvsarawak.my/2024/03/18/kpdn-sita-268-unit-topi-keledar-berjenama-tiruan/ | TV SARAWAK |
| 19-Mar | KPDN Pulau Pinang rampas 268 unit topi keledar 'copy ori' | https://www.sinarharian.com.my/article/655273/berita/semasa/kpdn-pulau-pinang-rampas-268-unit-topi-keledar-copy-ori | SINAR HARIAN |
| 19-Mar | 268 topi keledar Arai tiruan disita | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1071461/268-topi-keledar-arai-tiruan-disita | HARIAN METRO |
| 19-Mar | Awas! Siapa pemilik topi keledar ‘Arai’ ciplak? | https://www.buletintv3.my/nasional/awas-siapa-pemilik-topi-keledar-arai-ciplak/ | BULETIN TV3 |
| 19-Mar | 268 topi keledar Arai tiruan disita | https://themalaytribune.com/268-topi-keledar-arai-tiruan-disita/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 19-Mar | KPDN P. PINANG RAMPAS 268 TOPI KELEDAR SA-LINAN LANGGARAN KAR-YA SENI ARAI | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2280406 | BERNAMA |
| 19-Mar | AEON buka pasar raya ke-35 di Setia City Mall | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/03/1225026/aeon-buka-pasar-raya-ke-35-di-setia-city-mall | BERITA HARIAN |